

KAJIAN VARIASI ISTILAH MABBIM

Exzayrani Sulaiman
Universiti Brunei Darussalam

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama dalam Sidang Eksekutif ke-49 Majlis Bahasa Brunei Darussalam –Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang menyepakati bahawa perlunya untuk Negara-negara anggota melaksanakan kajian variasi istilah MABBIM. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai laporan kajian variasi istilah MABBIM. Istilah-istilah yang digunakan di Brunei, Indonesia dan Malaysia dalam bidang kesusasteraan, pendidikan, penternakan, pertanian, biologi dan matematik dipilih untuk dibandingkan bagi menilai pertus kesamaan dan perbezaan istilah. Faktor kesinoniman, terjemahan dan tatabahasa merupakan faktor yang menjurus kepada kewujudan bagi varian ini.

1.0 Pendahuluan

MABBIM yang pada asalnya dikenali sebagai Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) ditubuhkan pada 29 Disember 1972. Dengan penyertaan Negara Brunei Darussalam, MBIM telah ditukarkan kepada Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM) pada 4 November 1985. MABBIM sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam membincangkan segala aspek yang berkaitan dengan isu-isu bahasa sentiasa bersikat dinamik dan proaktif seiring dengan sifat bahasa itu sendiri. Salah satu tujuan penubuhan majlis ini adalah untuk menyepakati istilah yang telah dibentuk oleh negara-negara anggota dalam sidang yang diadakan setiap tahun sejak penubuhannya. Melihat kepada kewujudan variasi bagi istilah yang sama, maka majlis menanggapi bahawa perlunya untuk melihat variasi istilah yang digunakan ketiga-tiga negara dengan berfokus kepada aspek terjemahan, tatabahasa dan sinonim. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan mengenai kajian variasi istilah MABBIM dan berfokus kepada kepelbagaian istilah yang disepakati oleh Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Kajian ini dilaksanakan dengan melakukan perbandingan istilah di antara ketiga-tiga negara bagi bidang kesusasteraan, pendidikan, biologi, matematik, pertanian dan penternakan.

2.0 Konsep

Variasi berdasarkan Kamus Nusantara (2003) bermaksud kelainan atau kepelbagaian bagi sesuatu bentuk. Dalam konteks kajian ini, variasi bermaksud kepelbagaian bagi sesuatu kata. Manakala istilah pula bermaksud “kata atau gabungan kata yang dengan jitu (cermat) mengungkapkan makna konsep, proses, keadaan, atau sifat yang khusus dalam bidang ilmu tertentu” (2003: Kamus Nusantara). Istilah dalam konteks ini bermaksud kata-kata khusus yang digunakan dalam bidang-bidang yang dipilih untuk dikaji. MABBIM atau Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia merupakan sebuah badan bahasa yang telah lama wujud berperanan dan bertanggungjawab dalam membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan Bahasa Melayu di Nusantara. Oleh itu, konsep bagi “Varisai Istilah MABBIM” bermaksud kepelbagaian istilah atau kata-kata khusus bagi bidang-bidang tertentu yang digunakan di Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia sebagai negara anggota MABBIM.

3.0 Matlamat Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi meneliti variasi istilah bidang-bidang yang disepakati MABBIM dalam Sidang Pakar dan Pertemuan Luar Sidang. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat peratus penggunaan istilah yang dibentuk, peratus istilah yang tidak digunakan dan perbezaan bagi pertausan istilah yang tidak digunakan. Secara tuntas, kajian ini adalah untuk:

- I. Melihat jumlah istilah dalam kategori A
- II. Meneliti varian yang wujud antara bahasa Melayu di Malaysia dan Brunei Darussalam dengan bahasa Indonesia di Indonesia, bagi istilah dalam kategori A;
- III. Meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi kewujudan varian dalam persamaan bahasa Melayu bagi ketiga-tiga Negara, dari aspek:
 - a) Ejaan dan tatabahasa
 - b) Faktor terjemahan
 - c) Sinonim

4.0 Analisis dan Dapatan Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan instrument yang berbeza bagi ketiga-tiga negara. Namun, data kajian diambil daripada senarai istilah MABBIM, iaitu berdasarkan senarai istilah MABBIM yang telah disepakati melalui Sidang Pakar-Sidang Pakar MABBIM:

Bidang	Subbidang	Sidang Pakar/
Kesusasteraan	Teori/Kritik	SP Ke-5
	Filologi	SP Ke-7
	Drama	SP Ke-8
	Prosa	SP Ke-9
	Puisi	SP Ke-9
Pendidikan	Falsafah	SP Ke-17
	Sosiologi	SP Ke-17
	Penyelidikan	SP Ke-18
	Pengukuran	SP Ke-18
	Teknologi	SP Ke-19
Penternakan	Psikologi	SP Ke-19
	Genetik dan Pembiakbakaan	SP Ke-13
	Pengeluaran Ternakan	Sp Ke-14
	Teknologi Hasil Ternakan	Sp Ke-14
	Pertanian	Perlindungan Tanaman
Landskap		SP Ke-13
Sains Tanah		SP Ke-14
Biologi	Biometrik	SP Ke-9
	Entomologi	SP Ke-9
	Fitopatologi	SP Ke-9
Matematik	Topologi Aljabar	SP Ke-9
	Statistik Stokastik	SP Ke-9

Berdasarkan keputusan umum yang disepakati MABBIM dalam Sidang Ke-25 Mabbim yang berlangsung pada 5 - 7 Mei 1986 di Kuala Lumpur, Malaysia, dalam Perkara 8.2 Format Daftar Istilah, istilah yang dibincangkan dibahagikan kepada empat kategori, iaitu:

- I. Kategori A: istilah yang disetujui sama seluruhnya, tetapi berbeza ejaan atau bersinonim bagi salah satu negara

- II. Kategori B: istilah yang disetujui berbeza seluruhnya
- III. Kategori C: istilah yang disetujui untuk ditangguhkan
- IV. Kategori D: istilah yang disetujui untuk digugurkan

Dalam mengkaji varian bagi istilah MABBIM ini, Indonesia dan Malaysia telah menjadikan data dalam Kategori A untuk dibandingkan. Berbeza dengan Negara Brunei Darussalam yang telah memilih data kategori A, dan B untuk dibandingkan.

Brunei Darussalam bertanggungjawab untuk mengkaji bidang Kesusasteraan dan Pendidikan. Manakala bidang biologi dan matematik adalah dipertanggungjawabkan kepada Indonesia. Malaysia pula dipertanggungjawabkan untuk meneliti kepelbagaian varian istilah bagi bidang Pertanian dan Matematik.


Subbidang-subbidang bagi bidang-bidang tersebut dikaji dengan menggunakan kaedah perbandingan, iaitu mengikut kelompok yang berikut:

- i. Kelompok 1 – istilah sama bagi ketiga-tiga negara
- ii. Kelompok 2 – istilah sama bagi dua negara
- iii. Kelompok 3 – istilah berbeza bagi ketiga-tiga negara

Walau bagaimanapun, kajian ini lebih berfokus kepada istilah dalam kelompok 2 dan 3 dan kewujudan varian ini akan dianalisis berdasarkan kepada faktor tatabahasa (Tb), terjemahan (Trj) dan sinonim (Sin) iaitu sebagai faktor yang mempengaruhinya.


Berdasarkan analisis kajian, jumlah data istilah Kesusasteraan adalah sebanyak 5,538 istilah. Istilah yang tergolong dalam kategori A adalah sebanyak 5,148 istilah dan istilah yang tergolong dalam kategori B adalah sebanyak 390 istilah. Pemerolehan kajian adalah seperti berikut:

Carta 1




Manakala jumlah data yang telah dianalisis bagi istilah Pendidikan adalah sebanyak 5,476 istilah. Didapati istilah yang tergolong dalam kategori A adalah sebanyak 4796 istilah dan kategori B sebanyak 680. Perincian bagi bidang ini adalah seperti berikut:

Carta 2




Manakala bagi Sains Penternakan pula terdapat sebanyak 346 istilah. Didapati sebanyak 327 istilah tergolong dalam kategori A, dan 19 istilah tergolong dalam Kategori B. Ini dapat diteliti melalui carta berikut:

Carta 3




Manakala bagi bidang Pertanian pula, sebanyak 290 daripada 341 istilah tergolong dalam Kategori A dan 51 istilah dalam kategori B. Perincian dapatan analisis adalah seperti berikut:

Carta 4




Manakala bagi bidang biologi, daripada 4087 istilah, didapati sejumlah 2027 istilah yang tergolong dalam Kategori A, manakala sebanyak 622 istilah tergolong dalam Kategori B dan 1437 istilah tergolong dalam Kategori C. Rajah berikut memaparkan hasil pemerolehan kajian bidang Biologi:

Carta 5



Manakala bagi bidang Matematik pula, terdapat sejumlah 1022 istilah daripada 1107 istilah yang tergolong dalam Kategori A. Perincian dapatan kajian adalah seperti berikut:

Carta 6




Perbincangan serterusnya akan meneliti pembahagian istilah mengikut Kelompok bagi setiap Kategori dan bidang yang dikaji.

4.1 Pembahagian mengikut kelompok Kategori A bagi bidang Kesusasteraan

Carta berikut memaparkan jumlah istilah Kelompok Kategori A bagi bidang Kesusasteraan:

Carta 7



Carta menunjukkan sama padanan bagi ketiga-tiga negara adalah sebanyak 4369 istilah, iaitu 71.7% kadar persamaan. Manakala sama padanan bagi dua negara adalah sebanyak 1575 istilah, iaitu sebanyak 25.9%. Seterusnya istilah berbeza bagi ketiga-tiga negara adalah sebanyak 148 (2.43%).

4.1.1 Analisis faktor yang mewujudkan varian:

Analisis faktor yang mewujudkan varian dilihat melalui dua faktor iaitu subbidang dan ketidakselerasan istilah kesusasteraan.

4.1.1.1 Faktor varian Brunei dan Indonesia bidang Kesusasteraan


Analisis data yang telah dilaksanakan, didapati daripada 1477 istilah bidang kesusasteraan Brunei dan Indonesia yang dianalisis, 693 istilah dalam subbidang teori, 87 istilah dalam subbidang Filologi, 123 istilah dalam subbidang Drama, 279 istilah dalam subbidang Puisi, dan 295 istilah dalam subbidang Prosa. Di bawah ini adalah jadual 1 bagi keterangan subbidang varian istilah kesusasteraan Brunei dan Indonesia.

Jadual 1: Subbidang varian Istilah Kesusasteraan Brunei dan Indonesia

Subbidang	Frekuensi	Peratus
Teori	693	46.9
Filologi	87	5.9
Drama	123	8.3
Puisi	279	18.9
Prosa	295	20.0
Jumlah	1477	100.0

Carta 8 menunjukkan jumlah peratus subbidang varian istilah kesusasteraan Brunei dan Indonesia. Peratus bagi subbidang teori ialah 46.9%, Filologi 5.9%, Drama 8.3%, Puisi 18.9%, dan Prosa 20.0%.

Carta 8




Jadual 2 pula menunjukkan ketidakselarasan istilah kesusasteraan Brunei dan Indonesia. Daripada 1477 istilah kesusasteraan Brunei dan Indonesia, jumlah frekuensi ketidakselarasan pada sinonim ialah 539 istilah, pada tatabahasa ialah 315 istilah, dan pada terjemahan ialah 623 istilah. Jadual 2 menunjukkan ketidakselarasan istilah berkenaan.

Jadual 2: Ketidakselarasan Istilah Kesusasteraan Brunei dan Indonesia

Ketidakselarasan	Frekuensi	Peratus
Sinonim	539	36.5
Tatabahasa	315	21.3
Terjemahan	623	42.2
Jumlah	1477	100.0

Carta 9 pula menunjukkan jumlah peratus ketidakselarasan istilah kesusasteraan Brunei dan Indonesia. Peratus ketidakselarasan pada sinonim ialah 36.5%, pada tatabahasa ialah 21.3%, dan pada terjemahan ialah 42.2%. Ini menunjukkan ketidakselarasan istilah Brunei dan Indonesia pada terjemahan adalah paling tinggi iaitu 42.2%.

Carta 9



Contoh ketidakselarasan istilah bagi Brunei dan Indonesia (Kategori A dan B)

Bahasa Sumber	Brunei	Indonesia	Subbidang	Ketidak-selarasan
comic effect	kesan lucu	efek lucu	prosa	sin
apologia	karya bela/apologia	apologia	filologi	sin
discursive dialogue	dialog merewang	dialog melantur/ cakap melantur	drama	terj

4.1.1.2 Faktor Varian Brunei dan Malaysia Bidang Kesusasteraan

Berdasarkan 288 istilah Kesusasteraan Brunei dan Malaysia yang dianalisis, didapati jumlah frekuensi bagi subbidang teori adalah 132 istilah, 24 istilah pada Filologi, 24 istilah pada Drama, 88 istilah pada Puisi, dan 20 istilah pada prosa. Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian bagi subbidang varian istilah Kesusasteraan Brunei dan Malaysia.


Jadual 3: Subbidang varian Istilah Kesusasteraan Brunei dan Malaysia

Subbidang	Frekuensi	Peratus
Teori	132	45.8
Filologi	24	8.3
Drama	24	8.3
Puisi	88	30.6
Prosa	20	6.9
Jumlah	288	100.0

Jadual tersebut menunjukkan peratus subbidang istilah kesusasteraan Brunei dan Malaysia. Jumlah peratus dalam subbidang teori ialah 45.8%, Filologi ialah 8.3%, Drama ialah 8.3%, Puisi ialah 30.6%, dan Prosa ialah 6.9%.

Seterusnya carta 10 memperlihatkan peratus ketidakselarasan istilah Kesusasteraan Brunei dan Malaysia

Carta 10




Jadual 4 pula menunjukkan ketidakselarasan istilah kesusasteraan Brunei dan Malaysia dari aspek frekuensi dan peratusan. Daripada 288 istilah kesusasteraan Brunei dan Malaysia, didapati 190 istilah ketidakselarasan pada sinonim, 30 istilah pada tatabahasa dan 68 istilah pada terjemahan. Berikut adalah Jadual 4 bagi keterangan ketidakselarasan tersebut:

Jadual 4: Ketidakselarasan Istilah Kesusasteraan Brunei dan Malaysia

Ketidakselarasan	Frekuensi	Peratus
Sinonim	190	66.0
Tatabahasa	30	10.4
Terjemahan	68	23.6
Jumlah	288	100.0

Carta 11 pula menunjukkan jumlah peratus ketidakselarasan istilah Kesusasteraan Brunei dan Malaysia. Peratus ketidakselarasan pada sinonim ialah 66%, pada tatabahasa ialah 10.4%, dan pada terjemahan ialah 23.6%.

Carta 11



Contoh ketidakselarasan istilah di antara Brunei dan Malaysia

Brunei dan Malaysia (Kategori A dan B)

Bahasa Sumber	Brunei	Malaysia	Subbidang	Ketidakselarasan
counter action	aksi tantangan	aksi tentangan	Filologi	terj
high comedy	komidi tinggi	komedi tinggi	Drama	tb
impression	impresi/kesan	kesan	Prosa	sin

4.1.1.3 Faktor Varian Malaysia dan Indonesia Bidang Kesusasteraan


Berdasarkan analisis terhadap bidang Kesusasteraan Malaysia dan Indonesia, daripada 1498 istilah, 700 istilah ialah dalam subbidang teori, 86 istilah dalam Filologi, 135 istilah dalam Drama, 291 istilah dalam Puisi, dan 286 istilah dalam Prosa. Lihat Jadual 5:

Jadual5: Subbidang varian Malaysia dan Indonesia

Subbidang	Frekuensi	Peratus
Teori	700	46.7
Filologi	86	5.7
Drama	135	9.0
Puisi	291	19.4
Prosa	286	19.1
Jumlah	1498	100.0

Carta 12 menunjukkan peratus subbidang istilah Kesusasteraan Malaysia dan Indonesia. Peratus bagi subbidang Teori ialah 46.7%, Filologi ialah 5.7%, Drama ialah 9%, Puisi ialah 19.4%, dan Prosa ialah 19.1%.

Carta 12




Jadual 6 berikut menunjukkan ketidakselarasan istilah kesusasteraan Malaysia dan Indonesia. Daripada 1498 istilah Kesusasteraan Malaysia dan Indonesia, didapati 818 istilah adalah daripada ketidakselarasan pada sinonim, 412 istilah pada tatabahasa dan 268 istilah pada terjemahan.

Jadual 6: Ketidakselarasan Istilah Kesusasteraan Malaysia dan Indonesia

Subbidang	Frekuensi	Peratus
Sinonim	818	54.6
Tatabahasa	412	27.5
Terjemahan	268	17.9
Jumlah	1498	100.0

Carta 13 menunjukkan peratus bagi ketidakselarasan istilah Kesusasteraan Malaysia dan Indonesia. Didapati ketidakselarasan pada sinonim adalah paling tinggi iaitu 54.6%, manakala ketidakselarasan pada tatabahasa adalah pada tahap sederhana iaitu 27.5%, dan ketidakselarasan pada terjemahan ialah 17.9%. Ini menunjukkan bahawa ketidakselarasan istilah kesusasteraan Malaysia dan Indonesia adalah lebih tinggi pada sinonim. Manakala ketidakselarasan istilah kesusasteraan pada terjemahan adalah paling rendah.

Carta 13




Contoh ketidakselarasan istilah kesusasteraan bagi Malaysia dan Indonesia adalah seperti berikut:

Bahasa Sumber	Malaysia	Indonesia	Subbidang	Ketidak-selarasan
incantation	pemanteraan	pemantraan	Filologi	tb
stereotype	tipa tetap/steretaip	stereotipe	Filologi	terj
construct	binaan	bangun; binaan	Drama	terj
covert narrator	narator tersurat	narator tersurat: pengisah tersurat	Prosa	sin

4.2 Pembahagian mengikut kelompok Kategori A dan B bagi bidang Pendidikan:

Perbincangan seterusnya akan meneliti mengenai Kelompok Kategori A dan B bagi bidang Pendidikan. Jumlah istilah bagi Kategori A dan B mengikut Kelompok adalah seperti dalam carta 14

Carta 14




Carta menunjukkan samapadanan bagi ketiga-tiga negara adalah sebanyak 27%. Sama padanan bagi dua negara adalah 63%, iaitu 3680 istilah. Manakala bagi berbeza padanan bagi ketiga-tiga negara adalah sebanyak 9.8% iaitu 573 istilah.

4.2.1 Analisis faktor yang mewujudkan varian:

Carta berikut menunjukkan faktor varian dari aspek tatabahasa, terjemahan dan sinonim bagi Malaysia dan Indonesia bagi bidang Pendidikan.

Carta 15



Carta menunjukkan bahawa 13.3% faktor varian adalah dari aspek tatabahasa, 61.6% adalah daripada aspek terjemahan dan 24.7% adalah daripada faktor sinonim.


Berikut merupakan ketidakselarasan istilah Malaysia dan Indonesia bagi Kategori A dan B

Bahasa Sumber	Indonesia	Malaysia	Subbidang	Ketidak-selarasan
binomial distribution	distribusi binomial	taburan binomial	pengukuran	sin

educational improvement	perbaikan pendidikan	peningkatan pendidikan	Pengukuran	sin
functional relationship	hubungan fungsional	hubungan fungsian	Teknologi	tb
arithmetic correction	koreksi aritmetik	pembetulan aritmetik	Pengukuran	terj

Rajah berikut pula menunjukkan faktor varian bagi Brunei dan Malaysia:

Carta 16




Carta menunjukkan sebanyak 15.3% faktor kewujudan variasi istilah Pendidikan istilah Brunei dan Malaysia disumbangkan oleh aspek tatabahasa, 36% daripada aspek terjemahan,

Berikut merupakan contoh bagi ketidakselarasan istilah Pendidikan bagi Malaysia dan Brunei bagi Kategori A dan B)

Bahasa Sumber	Brunei	Malaysia	Subbidang	Ketidak-selarasan
ego-involved learners	pelajar libat-ego	pembelajar libat-ego	Psikologi	tb
permutation	permutasi	pilih atur	Penyelidikan	trj
regression coefficient	koefisien regresi	pekali regresi	Penyelidikan	sin

Carta 17 pula menunjukkan faktor varian istilah Pendidikan bagi Brunei dan Indonesia:

Carta 17



Carta menunjukkan 19.3% disumbangkan oleh aspek tatabahasa , 16.4% adalah dari aspek terjemahan dan sinonim merupakan faktor terbesar kepada kewujudan varian bagi bidang Pendidikan Brunei dan Indonesia, iaitu sebanyak 64.2%.

Contoh ketidakselarasan istilah Pendidikan bagi Brunei dan Indonesia bagi Kategori A dan B adalah seperti berikut:


Bahasa Sumber	Brunei	Indonesia	Subbidang	Ketidak-selarasan
case study	kajian kes	studi kasus	Pengukuran	terj
interview	temu bual	wawancara	Falsafah	sin
job training	latihan kerja	pelatihan kerja	Falsafah	tb

Berdasarkan analisis yang dilaksanakan, didapati daripada 5476 istilah bidang Pendidikan yang dianalisis, 27% mempunyai sama padanan bagi ketiga-tiga negara, 63% sama padanan bagi dua negara, manakala 9.8% mempunyai padanan berbeza. Peratus varian bagi Malaysia dan Indonesia adalah sebanyak 13.3% (Tatabahasa), 61.6% (Terjemahan) dan 24.7% (Sinonim). Bagi Malaysia dan Brunei pula, peratus variannya adalah sebanyak 15.3% (Tatabahasa), 36% (Terjemahan) dan 48.6% (Sinonim). Peratus Varian bagi Indonesia dan Brunei pula adalah 19.3% (Tatabahasa), 16.4% (Terjemahan) dan 64.2% (Sinonim). Terdapat 573 istilah yang berbeza bagi ketiga-tiga negara.

4.3 Pembahagian mengikut kelompok Kategori A bagi bidang Penternakan:

Carta seterusnya akan memperlihatkan dapatan kajian bagi berdasarkan Kelompok Kategori A bagi bidang Penternakan.


Carta 18



Carta menunjukkan sebanyak 144 atau 44% istilah yang mempunyai sama padanan bagi ketiga-tiga negara. Sebanyak 177 atau 54% istilah mempunyai sama padanan bagi dua negara dan 25 atau 6 istilah yang berbeza bagi ketiga-tiga negara.

4.3.1 Analisis faktor yang mewujudkan varian:

Carta 19




Carta 19 menunjukkan faktor kewujudan varian istilah Pendidikan bagi Malaysia dan Indonesia. Dari sejumlah 172 istilah, 28 (16.3%) istilah kerana aspek tatabahasa, 95 (55.2%) kerana faktor terjemahan dan 49 (28.5%) istilah disumbangkan oleh faktor sinonim.

Contoh ketidakselarasan istilah bagi bidang Sains Penternakan bagi Malaysia dan Indonesia untuk Kategori A adalah seperti berikut:

Bahasa Sumber	Malaysia	Indonesia	Subbidang	Ketidak-selarasan
abdominal fat	lemak abdomen	lemak abdominal	Ternak: Pengeluaran Ternakan	tb
abnormal growth	curve lengkung pertumbuhan abnormal	kurva pertumbuhan abnormal	Ternak: Pengeluaran Ternakan	terj
energy deficiency	kekurangan tenaga	defisiensi energi	Ternak: Genetik dan Pembiakbakaan	sin

Carta 20




Carta 6 pula menunjukkan faktor varian untuk bidang Pendidikan bagi Malaysia dan Brunei. Tiada faktor yang disumbangkan dari aspek tatabahasa. Namun, 50% faktor varian adalah daripada terjemahan dan 50% juga daripada sinonim.

Contoh ketidakselarasan istilah bagi Kategori A di antara Malaysia dan Brunei adalah seperti berikut:

Bahasa Sumber	Brunei	Malaysia	Subbidang	Ketidakselarasan
calf feeder	tapakan anak sapi (bovin)	tapakan pedet	Ternakan: Genetik & Pembiakbakaan	terj
dried buttermilk	susu mentega kering	susu lemak kering	Ternakan: Genetik & Pembiakbakaan	terj
veal calf	anak lembu gemuk	pedet digemukan	Ternakan: Genetik & Pembiakbakaan	sin

Carta 21



Carta 21 pula menunjukkan sebanyak 176 yang tidak selaras. 16% daripada istilah tersebut adalah kerana aspek tatabahasa, 54.5% kerana aspek terjemahan dan 29.5% kerana faktor sinonim.

Contoh ketidakselarasan istilah di antara Brunei dan Indonesia bagi istilah Sains Penternakan untuk Kategori A adalah seperti berikut:

Bahasa Sumber	Brunei	Indonesia	Subbidang	Ketidakselarasan
sensitivity test	ujian sensitiviti	uji sensitivitas	Ternak: Pengeluaran Ternakan	tb
carpet-wool type	jenis wulcarpet	tipe wolkarpet	Ternak: Pengeluaran Ternakan	Terj
sex separated	pemisahan seks	pemisahan kelamin	Ternak: Pengeluaran Ternakan	Sin


Daripada analisis data yang telah dilaksanakan, didapati daripada 346 istilah bidang Sains Penternakan yang dianalisis, 44% mempunyai sama padanan bagi ketiga-tiga negara, 54% sama padanan bagi dua negara, manakala 2% mempunyai padanan berbeza. Peratus varian bagi Malaysia dan Indonesia adalah sebanyak 16% (Tatabahasa), 55% (Terjemahan) dan 28.5% (Sinonim). Bagi Malaysia dan Brunei pula, peratus variannya adalah sebanyak 10% (Tatabahasa), 50% (Terjemahan) dan 50% (Sinonim). Peratus Varian bagi Indonesia dan Brunei pula adalah 16% (Tatabahasa), 54.5% (Terjemahan) dan 29.5% (Sinonim). Terdapat 6 istilah yang berbeza bagi ketiga-tiga negara.

4.4 Pembahagian mengikut kelompok Kategori A bagi bidang Pertanian:

perbincangan seterusnya dilaratkan kepada pembahagian mengikut kelompok Kategori A bagi bidang Pertanian. Carta 22 menunjukkan 56% istilah mempunyai samapadanan bagi

ketiga-tiga negara, 41% istilah mempunyai samapadanan bagi dua negara dan 3% istilah berbeza bagi padanan bagi ketiga-tiga negara.


Carta 22



4.4.1 Analisis faktor yang mewujudkan varian:

Faktor kewujudan variasi istilah Pertanian bagi Indonesia dan Malaysia adalah seperti yang dipaparkan dalam carta berikut:

Carta 23




Carta menunjukkan sebanyak 115 istilah yang tidak selaras. 27% adalah kerana faktor tatabahasa, 50% kerana faktor terjemahan dan 23% istilah kerana faktor sinonim.

Contoh ketidakselarasan istilah Pertanian bagi Malaysia dan Indonesia bagi Kategori A adalah seperti berikut:

Bahasa Sumber	Malaysia	Indonesia	Subbidang	Ketidak-selarasan
plasticity of soil	keplastikan tanah	plastisitas tanah	Sains Tanah	tb
plant nutrition	pemakanan tumbuhan	nutrisi tanaman	Sains Tanah	terj
plant available	air tersedia tumbuhan	air tersedia tanaman	Sains Tanah	sin

Carta 24 pula menunjukkan faktor varian istilah Penternakan bagi Malaysai dan Brunei

Carta 24




Carta menunjukkan sinonim merupakan faktor tertinggi bagi kewujudan varian dalam bidang Penternakan bagi kedua-dua negara iaitu 50%, manakala faktor terjemahan dan tatabahasa adalah sebanyak 25% bagi kedua-duanya.

Contoh ketidakselarasan istilah yang tergolong dalam Kategori A bagi Brunei dan Malaysia adalah seperti berikut:

Bahasa Sumber	Malaysia	Brunei	Subbidang	Ketidak-selarasan
Variegated foliage plants	tumbuhan berdaunan corak	Tumbuhan berdaun corak	Landskap	tb
soil survey	survei tanah	pengukuran tanah	Sains Tanah	terj
vineyard	kebun anggur	ladang anggur	Landskap	sin

Carta 25 seterusnya akan membincangkan mengenai faktor kewujudan variasi istilah bagi Indonesia dan Brunei.

Carta 25



Carta memperlihatkan sebanyak 58 istilah tidak selaras kerana faktor terjemahan (51%) iaitu faktor yang tertinggi, 26% kerana faktor tatabahasa dan 23% istilah kerana faktor sinonim.

Contoh ketidakselarasan istilah Pertanian bagi Brunei dan Indonesia untuk Kategori A adalah seperti berikut:


Bahasa Sumber	Brunei	Indonesia	Subbidang	Ketidak-selarasan
wildlife habitat	habitat hidupan liar	habitat kehidupan liar	Landskap	Tb
cocoa pod borer	pengorek lenggai koko	penggerek polong	Perlindungan Tanaman	Terj
aerolate leaf spot	bintik daun aerolat	bercak daun aerolat	Perlindungan Tanaman	Sin

Berdasarkan analisis didapati kecenderungan untuk menggunakan istilah yang diberikan penyesuaian ejaan. Contohnya, nutrition (nutrisi), erosion (erosi) dan plasticity (plastisitas).

4.5 Pembahagian mengikut kelompok Kategori A bagi bidang Biologi:

Carta seterusnya akan memperlihatkan kelompok Kategori A bagi bidang Biologi

Carta 26




Carta menunjukkan sebanyak 1765 istilah yang mempunyai sama padanan bagi ketiga-tiga negara iaitu sebanyak 87,07%. Sama padanan bagi dua negara adalah sebanyak 204 istilah atau 10.06%. Manakala sebanyak 58 (2.86%) istilah berbeza padanan bagi ketiga-tiga negara.

4.5.1 Analisis faktor yang mewujudkan varian

Carta 27 akan memperlihatkan faktor kewujudan varian Malaysia dan Indonesia bagi bidang ini.

Carta 27




Sejumlah 174 istilah bagi bidang Biologi yang tidak selaras. 39.6% istilah tidak selaras kerana faktor tatabahasa, 16.7% tidak selaras kerana faktor terjemahan dan 43.7% kewujudan varian kerana faktor sinonim.

Contoh-contoh ketidakselarasan istilah dalam bidang Biologi bagi Kategori A bagi Malaysia dan Indonesia adalah seperti berikut:

Bahasa Sumber	Malaysia	Indonesia	Subbidang	Ketidakselarasan
minor gene resistance	keresistanan gen minor; ketahanan gen minor	ketahanan gen minor	Fitopatologi	sin
Doyere's cone	kon Doyere	kerucut Doyere	Entomologi	terj
adaptive ocelli	oselus menyesuaikan	oselus menyesuaikan	Entomologi	tb

Seterusnya carta 28 akan menunjukkan faktor varian bagi Indonesia dan Brunei untuk bidang Biologi. Terdapat 180 istilah yang bervariasi. 35.5% kewujudan varian adalah kerana faktor tatabahasa, 23.3% kerana faktor terjemahan dan 41.2% kerana faktor sinonim.

Carta 28




Jadual berikut memaparkan contoh-contoh ketidakselarasan istilah Biologi di antara Indonesia dan Brunei bagi Kategori A:

Bahasa Sumber	Indonesia	Brunei	Subbidang	Ketidakselarasan
basal plate	plat basal	piringan basal	Entomologi	sino
subantennal suture	kampuh subsesungut	kampuh subantena	Entomologi	terj
parapside	parapsid	parapsida	Entomologi	tb

Carta seterusnya pula akan meneliti faktor varian bagi Malaysia dan Brunei. Faktor sinonim merupakan faktor tertinggi yang menyumbang kepada kewujudan varian Malaysia dan Brunei.

Carta 29



Jadual berikut menunjukkan contoh-contoh istilah yang tidak selaras bagi Brunei dan Malaysia (Kategori A)

Bahasa Sumber	Indonesia	Brunei	Subbidang	Ketidakselarasan
spiracular sound organ	organ bunyi spirakel	organ suara spirakel	Entomologi	sin
anal flap	kelepak dubur	medan dubur	Entomologi	terj
sericin	sericin	serisin	Entomologi	tb

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian variasi istilah MABBIM yang berfokus kepada bidang kesusasteraan, pendidikan, biologi, matematik, pertanian dan penternakan ini, telah memperlihatkan akan kewujudan istilah-istilah yang dipersetujui sama seluruhnya namun berbeza dari aspek sistem ejaan bagi salah satu negara. Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil dapatan kajian yang telah menunjukkan bahawa dalam bidang Kesustereraan terdapat sebanyak 72% istilah yang dipersetujui sama seluruhnya bagi ketiga-tiga negara anggota walaupun terdapat sedikit perbezaan dari aspek ejaan bagi salah satu negara anggota. Manakala pemerolehan data bagi bidang Pendidikan dan Penternakan pula menunjukkan jumlah peratusan yang kurang daripada 50% istilah yang dipersetujui sama seluruhnya, iaitu hanya 27% bagi bidang Pendidikan dan 44% bagi bidang Penternakan. Berbeza pula dengan bidang Pertanian, kadar peratus kesamaan padanan bagi ketiga-tiga negara adalah melebihi 50%, iaitu sebanyak 56%. Berbanding dengan bidang Biologi, jumlah sama padanan istilah bagi negara-negara anggota tidak mencecah 50%. Jumlah persamaan istilah hanyalah sebanyak 49.61%. Jumlah ini ternyata berbeza dengan kadar peratus persamaan istilah anggota MABBIM bagi bidang matematik. Persamaan istilah bagi negara anggota untuk bidang Matematik hampir mencecah 100%, iaitu dengan nilai 92.3%.

Dengan nilai peratus sama padanan istilah yang diperolehi bagi bidang-bidang yang menjadi fokus kajian ini, telah memberi gambaran bahawa wujudnya varian dalam bahasa Melayu bagi negara anggota MABBIM. Nilai peratusan tersebut secara tidak langsung telah merepresentasikan sejauh mana ejaan dan tatabahasa, terjemahan dan sinonim menjadi faktor atau penyumbang kepada kewujudan varian bagi istilah yang difokuskan dalam kajian ini. Selain itu, nilai-nilai peratusan tersebut turut melambangkan perlunya penyelarasan dalam pembentukan istilah terutama bagi istilah yang hanya cenderung untuk mengalami penyesuaian ejaan.

Hasil kajian ini juga secara tidak langsung merepresentasikan betapa perlunya untuk MABBIM secara proaktif terus giat mencipta istilah-istilah dalam bidang yang bervariasi untuk dijadikan panduan bagi pengguna bahasa ketiga-tiga negara di samping bagi

menyalurkan ilmu atau input yang tepat yang boleh dikongsi di antara masyarakat negara anggota terutama di zaman info komunikasi dan teknologi maklumat ini. Dengan kadar persamaan istilah pada tahap yang minima untuk sebahagian bidang bagi ketiga-tiga negara mampu memberikan gambaran bahawa Pedoman Umum Pembentukan Istilah (PUPI) bukan sahaja merupakan satu keperluan malah seharusnya menjadi satu keutamaan bagi ketiga-tiga negara dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi kadar persamaan istilah bagi ketiga-tiga negara dalam apa jua bidang yang telah mahupun belum diterokai.

Oleh itu, perlunya untuk negara anggota MABBIM berfikir secara tuntas dan meningkatkan persefahaman dalam pembentukan istilah bukan sahaja untuk meningkatkan kadar persamaan padanan istilah bagi negara anggota MABBIM malahan ia juga untuk menjadikan MABBIM sebagai sebuah badan yang fungsional dan reliable di kalangan pengguna bahasa, amnya dan di kalangan ahli-ahli bahasa khasnya.